

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية للتعليم
سليمان إدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 10: 1 April 2024



Majlis perpisahan dan sesi clock out Pengarah JPPHB

Tanjong Malim, 19 Mac - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan Majlis Perpisahan dan clock out untuk menghormati Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB), Ir. Ts. Zulkefly Mohd Yusof yang akan bersara selepas berkhidmat lebih daripada 24 tahun di universiti ini. Majlis dimulakan dengan

konvoi dan perarakan En. Zulkefly mengelilingi

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah menuju ke Bangunan Canselori, kemudian beliau disambut

oleh Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff berserta Jawatan Kuasa Pengurusan Universiti dan kakitangan JPPHB. Dalam ucapan perasmian, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff berkongsi

pengalaman beliau bersama En. Zulkefly, bermula dari zaman beliau sebagai pelajar di UPSI hingga kini sebagai Naib Canselor.

"En. Zul adalah seorang pegawai yang tidak sombong dan sentiasa bersedia berkongsi ilmu, walaupun telah lama berkhidmat. Saya mengajak semua staf untuk terus memberikan sokongan kepada pengganti Ir. Ts. Zulkefly supaya warisan khidmat beliau dapat diteruskan dengan cemerlang" kata beliau. Beliau menyatakan bahawa beliau sentiasa mengenang UPSI sebagai sebuah institusi yang membentuk karakter dan karier beliau.

Program seterusnya diiringi dengan Upacara Penyerahan Nota Serah Tugas kepada En. Saiduri Dolah yang akan menggantikan En. Zulkefly sebagai Pengarah JPPHB, serta penyampaian cenderamata sebagai tanda penghargaan atas sumbangan beliau kepada UPSI.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Suriani Abu Bakar; Bendahari UPSI, Mohamad Najib Mohamed; serta Pemangku Pengarah JPPHB, En. Saiduri Dolah.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Naskah Cinta Paling Agung: Kuliah bersempena sambutan Nuzul Quran di UPSI

Tanjong Malim, 21 Mac- Memperingati peristiwa penting dalam agama Islam Nuzul Quran, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menganjurkan program kuliah bertajuk "Naskah Cinta Paling Agung" bawah kelolaan Pusat Islam UPSI.

Kuliah yang disampaikan oleh Penceramah Bebas, Ustaz Mohammad Rozie Mohd Rejab telah menjadi tumpuan utama pada program tersebut. Mohammad Rozie menekankan pentingnya amalan akhlak al-Quran sebelum mengajar atau menegur seseorang sebagai

adab seorang Muslim. Beliau menasihati agar kita memperbanyakkan membaca Al-Quran berulang kali agar lebih memahami setiap perkara sebelum kita mengajarkannya kepada orang lain seperti mana malaikat Jibril AS mengajarkan Nabi Muhammad SAW berkenaan Al-Quran.

Dalam pada itu, beliau menekankan bahawa

menegur seseorang haruslah dilakukan tanpa menjatuhkan ego individu tersebut, sambil menjaga agar ego diri sendiri tidak terlalu meninggi. "Kita harus memastikan bahawa kita sendiri telah mempraktikkan nilai-nilai Al-Quran dalam kehidupan seharian sebelum kita cuba menyampaikannya kepada orang lain.



MPP UPSI santuni mahasiswa dan komuniti Tanjong Malim

Tanjong Malim, 28 Mac- Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan program Bingkisan Ramadan dengan kerjasama Yayasan Maghfirah, ADUN Behrang dan Balai Polis Tanjong Malim. Program ini merupakan agihan juadah berbuka puasa kepada mahasiswa

UPSI serta komuniti sekitar Tanjong Malim di beberapa kawasan yang tertentu sebanyak 300 pek makanan.

Melalui kerjasama dengan pertubuhan setempat, MPP UPSI telah mendapat sumbangan daripada pelbagai pihak. Sebanyak 200 pek makanan adalah sumbangan

daripada Yayasan Maghfirah, manakala 100 pek makanan lagi merupakan sumbangan daripada ADUN Behrang. Agihan ini turut disertai oleh Ketua Pegawai Operasi Yayasan Maghfirah, wakil daripada ADUN BEHRANG dan juga pegawai Hal Ehwal Pelajar UPSI.



Mahasiswa UPSI agih bantuan untuk gelandangan, asnaf sempena Program Kembara Cahaya Ramadan

Kuala Lumpur, 24 Mac- Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan Program Kembara Cahaya Ramadan dengan kerjasama Pertubuhan Jejak Jalanan yang melibatkan seramai 80 orang gelandangan dan 120 asnaf fakir, miskin di sekitar Chow Kit.

Pengarah Program, Siti Hajar menyatakan bahawa sebanyak 100 kit makanan kering, 200 pek makanan terbuka dan bantuan pakaian telah disalurkan kepada golongan tersebut. Menurutnya, objektif program ini adalah untuk menghulurkan bantuan dan berkongsi rezeki kepada masyarakat gelandangan di

sekitar Chow Kit serta membudayakan program kemasyarakatan dalam kalangan mahasiswa UPSI. Beliau berkata "Gelandangan juga perlu diberikan perhatian kerana mereka juga berusaha menjalankan ibadah berpuasa walaupun dalam serba kekurangan."

Kunjungan hormat Yayasan Terengganu

Tanjong Malim, 25 Mac- Pusat Ulul Albab (PUA) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah menerima kunjungan hormat dari Yayasan Terengganu dari 24 Mac hingga 25 Mac lalu. Kunjungan ini bertujuan mengambil ruang dan peluang, pengalaman yang sinonim dalam membangunkan Ulul Albab serta berkongsi idea dalam melihat rangka program Andalusian Scholars serta kerjasama yang boleh dikembangkan secara bersama.

Delegasi rombongan Yayasan Terengganu terdiri dari lima orang pegawai diketuai oleh

Pengarah Yayasan Terengganu Dato' Haji Mohd. Azmi Mohammad Daham, Timbalan Pengarah Pendidikan Tuan Haji Megat Samsuddin Megat Yusof, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Imtiaz, Mohd. Nazri bin Muda, Penolong Pengarah Kanan, Pentadbiran Imtiaz, Mohd. Rozaizam

Yusoff dan Penolong Pengarah Quranik, Muhammad Rifqi Rosli. Kunjungan hormat ini telah berlangsung di Bilik Mesyuarat, Perpustakaan Tuanku Bainun dan taklimat lawatan telah disampaikan oleh Dr. Sakinah Salleh, Pengarah Pusat Ulul Albab di samping tayangan video korporat Ulul Albab.



Warga UPSI terharu pimpin solat tarawih di UK dan Australia

Sydney, 28 Mac- Tiga warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terharu dapat berkhidmat sebagai imam dan tenaga pengajar di luar negara sepanjang Ramadan sekali gus memperoleh pengalaman unik dan berharga dalam menunaikan tugas keagamaan mereka di Australia dan United Kingdom. Pegawai Tadbir Pusat Islam UPSI, Muhammad Majdan

Ismail yang berkongsi pengalamannya sebagai imam di Dewan Malaysia Sydney, Australia berkata, walaupun tiada perbezaan yang ketara dari segi pengalaman

imam solat tarawih dan hampir sama di Malaysia, namun pastinya memberi pengalaman peribadi yang baharu bagi dirinya.

